

08/01/1999

Tajol sahkan PM terima peletakan jawatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali malam ini mengesahkan peletakan jawatan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor diterima oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, peletakan jawatan Rahim sekali gus membuktikan tiada konspirasi politik terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, peletakan jawatan itu yang dibuat berikutan kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah kelmarin menunjukkan bahawa Rahim mengambil tanggungjawab penuh berhubung kecederaan yang dialami Anwar ketika dalam tahanan polis September lalu.

Bercakap dengan ntv7 yang disiarkan melalui slot berita Newsnight, Tajol Rosli berkata, peletakan jawatan Rahim juga membuktikan ketelusan dalam kerajaan dan Perdana Menteri tidak melindungi sesiapa.

Mengulas mengenai Ketua Polis Negara yang baru, beliau berkata keputusan itu terletak pada Dr Mahathir.

(END)